

18/12/2001

Rumah terbuka terus dikunjungi

Lichong Angkui; Kadir Dikoh; Misiah Taib; Norfatimah Ahmad  
KUALA LUMPUR, Isnin - Acara rumah terbuka, amalan unik yang diamalkan pada setiap perayaan di negara ini, terus menjadi tumpuan pada hari kedua sambutan Aidilfitri hari ini.

Di PUTRAJAYA, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan rumah terbuka pada hari kedua, khususnya bagi orang kenamaan dan jempunan khas, termasuk duta asing.

Antara yang hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Cleghorn, Jean C McCloskey (Kanada), Mac Price (New Zealand), K Kesavapany (Singapura), Daniel Mulhall (Ireland) dan Baudouin de Callatay (Belgium).

Hadir sama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Jalil, ahli perniagaan Tan Sri Halim Saad dan Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan.

Di KEPALA BATAS, lebih 50,000 penduduk setempat dan pemimpin masyarakat hadir pada majlis rumah terbuka Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pekarangan Pusat Khidmat Ahli Parlimen di sini.

Abdullah dan isterinya, Datin Seri Endon Mahmood sibuk melayan tetamu yang tidak henti-henti mengambil peluang bersalaman dengan pemimpin negara itu.

Turut hadir Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isterinya, Puan Sri Chui Kah Peng, Exco kerajaan negeri dan pegawai kanan negeri.

Di KUANTAN, Tengku Mahkota Pahang meraikan Aidilfitri bersama kanak-kanak di Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah di Alor Akar, di sini.

Turut hadir, Tengku Puan Pahang, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang, Bakar Mamat dan Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd Noor Hamat.

Di KUCHING, masyarakat Islam meneruskan tradisi rumah terbuka bagi menyambut kunjungan sanak saudara dan sahabat handai daripada pelbagai kaum dan keturunan.

Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salahuddin dan isteri, Toh Puan Norkiah menerima kunjungan masyarakat daripada pelbagai kaum dan keturunan di Istana Negeri, Petra Jaya.

Mereka berdua mengadakan rumah terbuka antara jam 9 pagi hingga 12.30 tengah hari dan antara jam 2 hingga 5 petang.

Ribuan penduduk juga berkunjung ke rumah terbuka Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Rumah terbuka Ketua Menteri pada hari kedua raya diadakan antara jam 2 hingga 4 petang.

Turut mengadakan rumah terbuka di Sarawak ialah Menteri-Menteri Kabinet negeri termasuk Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Adenan Satem di kediamannya, Damai Jaya, Santubong serta Menteri Pelancongan, Datuk Abang Johari Tun Openg, di kediamannya Sri Minangkabau II, Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya.

Di KOTA KINABALU, Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai dan isteri, Toh Puan Siti Rukaiyah Panglima Abdullah mengadakan rumah terbuka di kediaman mereka di Kampung Likas, dekat sini mulai jam 10 pagi.

Ribuan masyarakat pelbagai kaum mengunjungi rumah terbuka itu.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam, turut mengadakan rumah terbuka di daerahnya, Ranau, berpusat di Dewan Masyarakat pekan itu.

(END)